



KENYATAAN MEDIA

MDEC TERUSKAN PENSTRUKTURAN SEMULA ,TUBUH DUA JAWATANKUASA LEMBAGA BAHARU FOKUS TADBIR URUS DAN INOVASI

- *Penjajaran semula MDEC diteruskan dengan pantas menerusi penubuhan dua jawatankuasa khas baharu berkaitan "Integriti & Tadbir Urus" dan "Teknologi & Inovasi"*
- *Ini menjadikan MDEC mempunyai lima jawatankuasa khas yang merangkumi "Integriti & Tadbir Urus, Teknologi & Inovasi, "Risiko & Audit", "Pencalonan & Imbuhan", dan "Tender"*

Kuala Lumpur, 18 November 2020: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) mengumumkan barisan Ahli Lembaga Pengarah baharunya yang akan memainkan peranan dalam dua jawatankuasa yang baharu ditubuhkan dan tiga jawatankuasa sedia ada, langkah yang mencerminkan fokus untuk mengukuhkan tadbir urus dan memperjuangkan inovasi dalam organisasi. Ini adalah tindakan progresif terbaharu selaras penstrukturan semula MDEC untuk mendorong lonjakan digital Malaysia berdepan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). MDEC baru - baru ini mengumumkan peralihan empat perintis industri ke dalam Lembaga Pengarahnya dan seterusnya memulakan penyusunan semula organisasi bagi melaksanakan struktur kepemimpinan yang kolaboratif dan pantas.



" Saya percaya ketika kita berdepan perubahan yang belum pernah berlaku, langkah penjajaran semula organisasi harus bermula daripada atas untuk memimpin ekonomi digital negara secara berkesan bagi memastikan kemakmuran bersama untuk rakyat Malaysia. MDEC yakin bahawa penggabungan pemimpin-pemimpin industri ke dalam Lembaga Pengarah akan memberikan perspektif yang lebih luas mengenai bidang kritikal seperti tadbir urus korporat, pengurusan risiko, ekonomi digital dan trend teknologi yang baharu muncul. Oleh itu, MDEC telah mendapat suntikan semangat untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif secara lebih pantas dan meningkatkan standard pentadbiran , , mengembangkan organisasi ke arah berprestasi tinggi dan seterusnya memberi impak besar," kata Pengerusi MDEC, **YBhg. Datuk Wira Dr Hj Rais Hussin Mohamed Ariff**.

"Komitmen berterusan dalam penstrukturan semula ini akan meletakkan MDEC pada kedudukan yang lebih baik untuk mendorong negara kita mencapai visi Malaysia 5.0, merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan dengan penuh keyakinan menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN," katanya.

Susunan jawatankuasa Lembaga baharu adalah seperti berikut:

Jawatankuasa	Ahli
Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus *	Encik Jaleeludeen Abu Baker (Pengerusi) YBhg. Profesor Dato' Dr Halimah Badioze Zaman Encik Lee Chin Cheh
Jawatankuasa Teknologi & Inovasi *	Dr. Dhesi Baha Raja (Pengerusi Bersama) Encik Farouk Peter Lee (Pengerusi Bersama) Puan Aireen Omar



Jawatankuasa Risiko & Audit	Encik Mohd Yuzaidi Mohd Yusoff (Pengerusi) Puan Afidah Azwa Encik Lee Chin Cheh Encik Jaleeludeen Abu Baker**
Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan	Profesor Madya Dr. Muhammad Abdullah (Pengerusi) Puan Afidah Azwa Abdul Aziz YBhg. Professor Dato' Dr. Halimah Badioze Zaman Puan Aireen Omar**
Jawatankuasa Tender MDEC	YBhg. Professor Dato' Dr. Halimah (Chairman) Puan Afidah Azwa Abdul Aziz Encik Farouk Peter Lee** Dr. Dhesi Baha Raja**

* Jawatankuasa baharu ditubuhkan

** Ahli Lembaga Pengarah baharu

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus yang baharu akan mengawasi struktur dan amalan tadbir urus keseluruhan Lembaga dan organisasi serta mendorong integriti dan pematuhan untuk menerapkan persekitaran toleransi sifar terhadap penipuan dan rasuah. Jawatankuasa Teknologi dan Inovasi pula akan mengkaji dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai strategi dan subjek utama seperti inovasi teknikal, komersial, proses perolehan serta sistem pengukuran dan pengesanan untuk inovasi yang berjaya.

Pemimpin industri berkaliber dalam Lembaga Pengarah juga akan memainkan peranan dalam tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Risiko dan Audit (ARC), Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan



(RNC) dan Jawatankuasa Tender MDEC (MTC) berdasarkan pengalaman mereka. Encik Jaleeludeen Abu Baker akan menyertai ARC, Pn Aireen Omar di RNC manakala Encik Farouk Peter Lee dan Dr. Dhesi Baha akan memainkan peranan di MTC.

"Komitmen MDEC untuk memacu ekonomi digital kepada sasaran yang lebih luas dan mencapai visi Malaysia 5.0 merupakan keutamaan ketika ini. Matlamat ini perlu disegerakan dan oleh itu, MDEC memerlukan idea, perspektif serta pandangan baharu untuk membuat keputusan pantas, proaktif dan tepat bagi meletakkan objektif digital organisasi sebagai matlamat utama. Kepakaran industri yang dimiliki Ahli Lembaga Pengarah baharu telah memberi pemahaman mendalam terhadap fungsi jawatankuasa baharu ini sekaligus mendorong kerjasama menyeluruh dalam ekosistem digital," kata **Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri**.

Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN

Pertumbuhan dicatat oleh Malaysia dalam bidang inovasi dan teknologi global terus meningkat dengan pantas. Ketika ini, kita berada pada posisi ke-8 di Asia Pasifik dalam Indeks Inovasi Global 2020, yang mengukur kemampuan inovasi di kalangan 131 negara. Selain itu, Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-11 dalam Laporan Ekosistem Syarikat Pemula Global 2020. Prestasi ini menandakan bahawa Malaysia berada di landasan tepat dalam perjalanan untuk merealisasikan cita-citanya menjadi 'Nadi Digital ASEAN'.

Perkembangan teknologi baharu yang pesat dan kecepatan transformasi yang belum pernah terjadi sebelumnya menuntut keputusan yang pantas berdasarkan data pada tahap tertinggi



untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang baharu dalam I.R 4.0. Melalui fokus yang diperluas meliputi tadbir urus yang mantap dan mengesan inovasi, Lembaga Pengarah MDEC yang baharu akan berupaya untuk menerajui lonjakan Malaysia ke era digital, mendorong kesejahteraan bersama bagi semua rakyat Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai contoh utama transformasi digital Asia Tenggara.

-END-

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif- inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec

For further media enquiries, please contact:

Uma Kanapathy

Account Manager, REDHILL Communications



E : uma@redhill.my

M : +60 12 568 4606